

15 SEP 2001
SEA-Mahathir
DR MAHATHIR TIMBANG CUTI UMUM

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri berharap kejayaan Malaysia hari ini mencapai sasaran 80 pingat emas pada kejohanan Sukan SEA Ke-21 yang sedang berlangsung akan mendorong peserta negara menambah lagi pungutan pingat untuk menjadi juara keseluruhan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkata akan menimbang mengisytiharkan cuti umum ekoran kejayaan mencapai sasaran kutipan pingat emas itu.

Malaysia tidak pernah menjadi juara keseluruhan pada Sukan SEA sejak ia bermula pada 1959.

"Saya bersyukur dan gembira kerana sasaran itu telah dicapai," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kompleks Akuatik Negara di sini hari ini.

Dr Mahathir telah sempat menyaksikan acara-acara gimnastik dan akuatik ketika melakukan lawatan di sekitar Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mengisytiharkan cuti umum berikutan kejayaan Malaysia mencapai sasaran 80 pingat emas itu, Perdana Menteri berkata: "Saya kena fikir."

Malaysia mencapai sasarnya mengumpul 80 pingat emas pada 4 petang tadi apabila Kevin Lim memenangi kategori Laser lelaki acara perahu layar di Port Dickson.

Kemenangan Kevin itu merupakan emas yang keempat daripada acara perahu layar yang diraih oleh peserta-peserta negara hari ini.

Pelayar lain yang berjaya hari ini ialah Abdul Rahim Mohd Zain bagi Kelas Optimis, pasangan Kelly Yin dan Hasikin Yaakob dalam acara 470 wanita dan Tiffany Koo bagi Laser Radial wanita.

Daripada 73 emas semalam, Malaysia memulakan hari kelapan Sukan SEA hari ini dengan menambah angka itu menjadi 74 apabila G. Saravanan menjuarai acara 50km jalan kaki.

Lai Kin Ngoh kemudian memenangi kategori Masters wanita acara boling manakala Nicol David dan rakan-rakan turut menyumbang emas daripada acara skuasy berpasukan. Kedua-dua acara itu berlangsung di Pulau Pinang.

-- BERNAMA
JM MKO MAI